



HARAM bagi ibu bapa untuk menggunakan duit raya anak-anak mereka dengan sewenang-wenangnya kecuali dalam keadaan yang memerlukan sahaja.

Ini seperti yang disebut oleh Imam al-Nawawi di dalam al-Majmu’:

وَقَالَ الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، وَأَبُو حَنِيفَةَ، وَمَالِكُ: لَيْسَ لِلْوَالِدِ أَنْ يَأْخُذَ مِنْ مَالِ وَلَدِهِ إِلَّا بِقَدَرِ حَاجَتِهِ، لِحَدِيثِ: (فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ بَيْنَكُمْ حَرَامٌ كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا فِي بَلَدِكُمْ هَذَا). وَالْحَدِيثُ مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

“

Imam al-Syafie, Abu Hanifah dan Malik berkata: Tidak harus bagi seorang bapa mengambil harta anaknya kecuali sekadar keperluannya, berdasarkan hadis: “Sesungguhnya darah-darah kamu, harta-harta kamu dan kehormatan di antara kamu adalah haram bagimu sepertimana kemuliaan pada harimu ini, di negerimu ini.” Hadis ini disepakati kesahihannya (muttafaq ‘alaih).

”

[al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab 15/384]

KESIMPULAN

Ibu bapa **tidak boleh menggunakan duit raya anak-anak mereka dengan sewenang-wenangnya** kecuali dalam keadaan yang memerlukan sahaja. Sekiranya ibu bapa sudah menggunakan duit raya anak-anak dalam perkara yang tidak menjadi keperluan, maka **wajib ke atas ibu bapa untuk menggantikannya kembali.**

SUMBER

IRSYAD HUKUM SIRI KE-835: HUKUM IBU BAPA MENGGUNAKAN DUIT RAYA ANAK-ANAK